

SOALAN NO. 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR WAN AZIZAH BINTI
WAN ISMAIL
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015

SOALAN :

DATUK SERI DR WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan kemerosotan harga
saham FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) ke atas 112,623
peneroka FELDA dan sejauh mana FELDA bersedia menghapus kira
bayaran balik pinjaman pembelian saham para peneroka.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya seramai 94,219 peneroka memegang saham FGV semasa diapungkan pada 28 Jun 2012 dan bukannya 112,623 peneroka. Setiap peneroka layak untuk memiliki sebanyak 800 unit saham FGV.

Dakwaan peneroka mengalami kerugian akibat kejatuhan saham FGV hanyalah di atas kertas selagi saham tersebut tidak dijual pada harga semasa malahan, mereka masih menerima dividen yang diumumkan oleh FGV.

Bagi mengurangkan tanggungan kesan kejatuhan harga saham FGV, FELDA telah pun menebus semua pinjaman bank yang dibuat peneroka untuk membeli saham FGV sebelum ini. Oleh itu, peneroka hanya perlu membayar ansuran RM50 sebulan kepada FELDA selama 72 bulan (6 tahun) tanpa faedah.

Peneroka juga telah menerima pulangan dividen setiap tahun sejak penyenaraian FGV pada 2012 termasuk daripada pegangan 20 peratus FELDA di dalam FGV di mana dividennya turut disalurkan kepada peneroka.

Ini jelas menunjukkan peneroka menerima banyak faedah jangka panjang dengan memiliki saham FGV. Hampir semua peneroka terus menyimpan saham FGV sejak disenaraikan kerana mereka yakin dengan perancangan Kumpulan untuk jangka masa panjang yang pada akhirnya akan memberi impak positif kepada mereka.

Sekian. Terima kasih.